

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HKN 404 - Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Persejarahan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan bagaimana pengetahuan mengenai teori dan kritikan sastera itu dapat membantu sejarawan sastera untuk menulis sebuah sejarah kesusasteraan.
2. Apakah unsur-unsur yang perlu terpancar di dalam satu-satu tulisan sejarah kesusasteraan? Dengan contoh-contoh daripada kesusasteraan tempatan huraikan mengenai tiga (3) daripada ciri-ciri yang anda kemukakan.
3. Daripada kajian terhadap kesusasteraan Melayu tradisional dapat dikesan bahawa perubahan kebudayaan dan kepercayaan agama di dalam masyarakat Melayu telah menghasilkan pertumbuhan baharu di dalam kesusasteraan. Di dalam konteks ini kedatangan Islam memberikan kesan yang menyeluruh dan mendalam hingga dapat dirumuskan bahawa ia meninggalkan satu puncak di dalam sejarah kesusasteraan Melayu tradisional. Bincangkan.
4. Ismail Hussein telah menekankan di dalam bukunya The Study of Traditional Malay Literature bahawa pensejarahan sastera Melayu tradisional hanya boleh dilakukan dengan sempurna setelah kerja-kerja filologi dilaksanakan sepenuhnya. Bincangkan pandangan ini. Kemukakan satu alternatif bagi merakamkan kreativiti penulis-penulis Melayu memandangkan perkembangan kerja-kerja filologi yang amat lembab kini.

.../2

BAHAGIAN B

5. Pengenalan alat cetak di dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu pada umumnya telah diterima sebagai garis permulaan bagi kesusasteraan Melayu baharu. Bincangkan kekuatan atau kelemahan gagasan ini dipandang dari sudut periodisasi. Pada pandangan anda apakah faktor-faktor lain yang perlu dipertimbangkan di dalam merumuskan satu garis pemisah di antara sastera Melayu tradisional dan baharu?

6. Apa yang anda fahamkan mengenai konsep angkatan kesusasteraan dan golongan penulis? Berdasarkan kepada perkembangan kesusasteraan Melayu/Indonesia bincangkan bagaimanakah konsep-konsep ini berfungsi di dalam menjelaskan akan perubahan di dalam kesusasteraan.

7. Di antara masalah-masalah utama di dalam menyusun satu sejarah kesusasteraan Melayu baharu ialah yang berkaitan dengan jenis kesusasteraan (literary genre). Huraikan masalah-masalah ini. Pada pandangan anda apakah pentakrifan semula jenis-jenis sastera perlu dibuat bagi mengatasi masalah-masalah tersebut?

8. Bincangkan masalah-masalah yang khusus di dalam menulis sejarah kesusasteraan Melayu moden.

-ooooOOoooo-